




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 391 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 22,714 kes. Hari ini dua (2) kes kematian dicatatkan di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 358 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,475 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 678 orang di hospital dan 1,797 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 65 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tenom berubah dari zon kuning ke zon hijau. Manakala, Daerah Beaufort bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu iaitu:
 - (i) Kluster Alila di Daerah Tuaran sebanyak 23 kes berkaitan dengan pekerja tapak pembinaan *Alila Resort* ; dan
 - (ii) Kluster Istimewa di Daerah Sandakan sebanyak 16 kes.
- 5 Daripada 391 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 136 kes (34.78%) adalah dari Daerah Tawau, Kota Kinabalu dan Sandakan yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 255 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,010 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 5,611 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,621 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 37.38%.

B. PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID BERISIKO RENDAH (PKRC) BAHARU DI KUDAT

- 1 Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sentiasa memantau keperluan pembukaan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah (PKRC) yang baharu.
- 2 Satu (1) lagi PKRC baharu telah dibuka di Daerah Kudat iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahim Kudat, yang mempunyai kapasiti 98 katil.

C. PENGURUSAN SUMBANGAN DAN BANTUAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT DAN ORANG PERSENDIRIAN (SOP TAMBAHAN)

- 1 Rentetan daripada kenyataan media semalam mengenai pengurusan sumbangan dan bantuan daripada NGO, syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan orang persendirian, Kerajaan Negeri hari ini telah memperincikan SOP tambahan bagi memudahkan perkara ini.
- 2 SOP yang ditambah ialah bagi sumbangan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan semua fasiliti kesihatan di bawah JKNS, NGO berkenaan boleh berhubung terus dengan pihak JKNS. Disertakan SOP Pengurusan Sumbangan dan Bantuan seperti di **Lampiran**.

D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **166,996** bakul makanan telah diagihkan.

E. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 72 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 50,759 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 180 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 11 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 86 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.18%.
- 2 Tiga Daerah mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi ialah Kinabatangan (99%), Sipitang (99%) dan Kudat (98.5%). Manakala tiga daerah yang mencatatkan kadar pematuhan yang terendah ialah Kota Belud (96%), Ranau (96%) dan Tuaran (96%)
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 31 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di 13 premis di empat (4) buah daerah iaitu Semporna, Kinabatangan, Kota Marudu dan Tawau.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 34 lokasi di lima (5) buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
14 November 2020**



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN SUMBANGAN & BANTUAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO's), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT & ORANG PERSENDIRIAN

Tarikh dikemaskini : 14 November 2020

Kawasan yang terlibat	Tempoh kuat kuasa	Prosedur Operasi Standard (SOP)	Aktiviti yang dilarang
		Aktiviti yang dibenarkan	
Seluruh kawasan PKPD dan PKPD di negeri Sabah	Sepanjang tempoh pelaksanaan PKPD dan PKPD di negeri Sabah.	- Pihak NGO dan para penyumbang perlu berhubung terus dengan Pegawai Kebajikan Daerah di Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB) di daerah yang berkenaan. Senarai nombor telefon PKOB adalah seperti di Lampiran A. - Penyumbang / individu dari luar negeri Sabah yang bukan berasal dari negeri Sabah WAJIB mendapatkan Kelulusan Khas Masuk Ke Negeri Sabah sebelum memasuki negeri Sabah. Semua kemasukan ke negeri Sabah hendaklah mematuhi SOP lain yang sedang berkuat kuasa. Sila layari laman sesawang https://hednp.sabah.gov.my/ untuk memohon Kelulusan Khas tersebut. - Semasa pengagihan sumbangan / bantuan di lokasi pengagihan, penyumbang atau wakilnya WAJIB untuk: - Memeriksa suhu badan dan pastikan tidak bergejala; - Memakai pelitup muka setiap masa; - Sentiasa menggunakan <i>hand-sanitiser</i>; - Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara individu; dan - Terhad kepada lima (5) orang wakil sahaja, tertakluk kepada kebenaran Pengerusi PKOB Daerah tersebut. - Pengagihan sumbangan / bantuan kepada golongan sasar WAJIB diiringi oleh petugas PKOB Daerah yang terdiri sama ada daripada PDRM, RELA, APM atau JPKA daerah ke lokasi pengagihan sumbangan / bantuan. - Bagi pengagihan sumbangan dari dalam dan luar negeri Sabah kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan semua fasiliti kesihatan di bawah JKNS, NGO berkenaan boleh berhubung terus dengan pihak JKNS.	- Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa pengetahuan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) dan PKOB Daerah yang berkenaan. - Memasuki kawasan-kawasan PKPD tanpa kebenaran daripada pihak yang berwajib. - Membuat program / gimik yang melibatkan orang ramai berkumpul atau berhimpun. - Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa diiringi oleh petugas PKOB Daerah atau pasukan keselamatan. - Mengingkari SOP atau arahan yang sedang berkuat kuasa.



STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP) CONTRIBUTION & ASSISTANCE FROM NON-GOVERNMENTAL ORGANISATIONS (NGOS), PRIVATE COMPANIES, COMMUNITY LEADERS & INDIVIDUAL

Last Updated : 14 November 2020

Enforced areas	Duration	Standard Operating Procedures (SOP)	Prohibited Activities
		Authorised Activities	
All areas under CMCO and EMCO in Sabah.	During the period of CMCO and EMCO in Sabah.	- NGOs and contributors are required to communicate directly with the District Welfare Officer according to respective District Disaster Operations Control Center (PKOB). List of PKOB telephone numbers are as listed in Appendix A. - Non-Sabahan contributors / individuals outside of Sabah are REQUIRED to obtain Special Approval prior to entering Sabah and complying with all relevant SOP's. Please visit the https://hednp.sabah.gov.my/ to apply for Special Approval. - During the distribution of contributions / assistance at the distribution location, the contributor or his/her representatives are REQUIRED to : - Check the body temperature and to ensure no symptoms of Covid-19; - Wearing face mask at all times; - Always use hand-sanitiser; - Practice physical distancing of at least 1 meter between individuals; and Limited to five (5) representatives only, subject to permission of District PKOB Chairman. - The distribution of contributions / assistance to the targeted groups MUST be accompanied by the District PKOB personnel comprising of either District PDRM, RELA, APM or JPKA to the respective distribution locations. - NGOs and contributors from within and outside Sabah to communicate directly with the Sabah State Health Department (JKNS) and/or other health facilities under JKNS for the distribution of contributions.	- Distribution of donations / assistance without the knowledge of the Department of General Welfare Services (JPKA) and the respective District PKOB. - Entering EMCO areas without permission from the relevant authorities. - Creating programs / gimmicks involving large gatherings or assembly. - Distribute contributions/ assistance without being accompanied by district PKOB personnel or security forces. - Disobeying any SOP and instructions that have been issued by the authorities.



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN SUMBANGAN & BANTUAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO's), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT & ORANG PERSENDIRIAN

Tarikh dikemaskini : 14 November 2020

NOMBOR TELEFON BILIK GERAKAN (COVID-19) JPBN DAN JPBD		
BIL	BILIK GERAKAN	NO. TELEFON
1	BILIK GERAKAN JPBN	088-369434/433/430
2	BILIK GERAKAN JPBD BEAUFORT	087-211059
3	BILIK GERAKAN JPBD KENINGAU	087-301506
4	BILIK GERAKAN JPBD KINABATANGAN	089-561454
5	BILIK GERAKAN JPBD KOTA BELUD	088-971858
6	BILIK GERAKAN JPBD KOTA KINABALU	088-210011
7	BILIK GERAKAN JPBD KOTA MARUDU	088-661517
8	BILIK GERAKAN JPBD KUALA PENYU	087-884715
9	BILIK GERAKAN JPBD KUDAT	088-620415
10	BILIK GERAKAN JPBD KUNAK	089-851471
11	BILIK GERAKAN JPBD LAHAD DATU	089-881662
12	BILIK GERAKAN JPBD NABAWAN	087-366211
13	BILIK GERAKAN JPBD PAPAR	088-914999
14	BILIK GERAKAN JPBD PENAMPANG	088-726054
15	BILIK GERAKAN JPBD PITAS	088-615655
16	BILIK GERAKAN JPBD PUTATAN	088-762699 (PKOB) 088-771502 (O)
17	BILIK GERAKAN JPBD RANAU	088-870519
18	BILIK GERAKAN JPBD SANDAKAN	089-211586
19	BILIK GERAKAN JPBD SEMPORNA	089-782366
20	BILIK GERAKAN JPBD SIPITANG	087-803419/0
21	BILIK GERAKAN JPBD TAMBUNAN	087-771800
22	BILIK GERAKAN JPBD TAWAU	089-701610
23	BILIK GERAKAN JPBD TELUPID	089-521732
24	BILIK GERAKAN JPBD TENOM	087-733716
25	BILIK GERAKAN JPBD TONGOD	087-748799
26	BILIK GERAKAN JPBD TUARAN	088-787991

Lampiran A
Appendix A